

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Haji Abdul Azeez bin
Abdul Rahim [BALING]**

TARIKH : 24.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 9

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membantu penoreh getah di kawasan Baling daripada segi memperbaiki keperluan asas memandangkan kos sara hidup yang kian meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui RISDA menyedari komuniti penoreh getah yang juga masyarakat luar bandar menerima kesan akibat perubahan ekonomi semasa yang tidak stabil.

Bagi keperluan asas penoreh getah di kawasan Baling, RISDA menyediakan bantuan seperti berikut :

- i) **Program Skim Insentif Pengeluaran Getah (SIPG)** iaitu penyediaan komponen seperti baja dan bahan ransangan kepada seramai 1,558 orang penoreh getah dengan perbelanjaan sebanyak RM790 ribu pada keluasan 2,492 hektar tanah; dan
- ii) **Program Peningkatan Produktiviti (PPG)** iaitu penyediaan komponen seperti pisau toreh dan batu asas, alat pelindung hujan, mangkuk susu getah, dawai spring dan sudu susu getah kepada seramai 258 orang penoreh getah

dengan perbelanjaan sebanyak RM210 ribu pada keluasan 413 hektar tanah.

Selain itu, pihak Kementerian melalui RISDA turut memperkenalkan **Program Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK)**. Program ini telah dimulakan pada tahun 2013 dan berakhir pada tahun 2016 yang bertujuan untuk menampung pendapatan harian bagi Pekebun Kecil yang layak dan mematuhi syarat dengan memberi bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan selama 48 bulan.

Namun demikian, bagi membolehkan Penoreh Getah menikmati semua kemudahan ini, Penoreh Getah berkenaan perlulah berdaftar dengan RISDA untuk diiktiraf sebagai Pekebun Kecil.